

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pensyarah Pergigian Gred DUG13P, DUG13, DUG14, Khas C, Khas B, Khas A, Khas Turus III, Khas Turus II, Khas Turus I.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institusi Pengajian Tinggi Awam.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab memberi syarahan, tutorial, menjalankan penyelidikan, menghasilkan penerbitan dan pengamal perubatan/ pergigian.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1. Aspek fungsi dan Bidang Tugas Umum

4.1.1 Pensyarah Pergigian Gred DUG13P

- a. Fungsi dan bidang tugas bagi jawatan Pensyarah adalah 20% untuk sumbangan penyelidikan dan penerbitan, 50% untuk pengajaran dan penyeliaan, 5% untuk sanjungan dan kepimpinan akademik, 5% untuk perundingan, 10% untuk khidmat kepada universiti dan 10% untuk khidmat kepada masyarakat.
- b. Pensyarah Universiti turut mementingkan aktiviti-aktiviti akademik yang utama seperti penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan penyeliaan.

4.1.2 Pensyarah Kanan Gred DUG13

- a. Agihan fungsi dan bidang tugas bagi jawatan Pensyarah Kanan adalah sebanyak 20% untuk sumbangan penyelidikan dan penerbitan, 50% untuk pengajaran dan penyeliaan, 5% untuk sanjungan dan kepimpinan akademik, 5% untuk perundingan, 10% untuk khidmat kepada universiti dan 10% untuk khidmat kepada masyarakat.

- b. Pensyarah Universiti turut mementingkan aktiviti-aktiviti akademik yang utama seperti penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan penyeliaan.

4.1.3 Profesor Madya Gred DUG14

- a. Agihan fungsi dan bidang tugas bagi jawatan Profesor Madya adalah sebanyak 35% untuk sumbangan penyelidikan dan penerbitan, 30% untuk pengajaran dan penyeliaan, 10% untuk perundingan, 10% untuk khidmat kepada universiti dan 5% untuk khidmat kepada masyarakat.
- b. Pensyarah Universiti turut mementingkan aktiviti-aktiviti akademik yang utama seperti penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan penyeliaan.

4.1.4 Profesor Gred Khas C, Khas B, Khas A

- a. Agihan fungsi dan bidang tugas bagi jawatan Profesor adalah sebanyak 40% untuk sumbangan penyelidikan dan penerbitan, 20% untuk pengajaran dan penyeliaan, 20% untuk sanjungan dan kepimpinan akademik, 10% untuk perundingan dan 10% untuk khidmat kepada universiti/ masyarakat.
- b. Pensyarah Universiti turut mementingkan aktiviti-aktiviti akademik yang utama seperti penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan penyeliaan.

4.2 Perincian Aspek Fungsi dan Bidang Tugas

4.2.1 Penyelidikan dan Penerbitan

- a. Bidang tugas ini diperlukan untuk memperluaskan bidang pengetahuan dan juga menyumbang kepada aktiviti pengajaran yang lebih berkesan (lebih terkini, lebih *hand-on*, dan sebagainya).

4.2.2 Pengajaran dan Penyeliaan

- a. Bidang tugas ini adalah tugas rasmi/ hakiki staf. Aspek tugas pengajaran diutamakan dan penyeliaan projek akhir/ latihan amali juga dititikberatkan.

4.2.3 Sanjungan dan Kepemimpinan Akademik

- a. Aspek tugas ini meliputi penglibatan staf untuk meraih anugerah akademik, penilaian tesis, artikel, jurnal kenaikan pangkat, penilai kertas kerja, penglibatan dalam persatuan akademik dan profesional, syarahan undangan, ucap utama, dilantik sebagai ahli lembaga penyunting jurnal dan sebagainya.

4.2.4 Perundingan

- a. Sebagai ahli akademik mempunyai aspek tugas memberikan khidmat perundingan dalam bidang kepakarannya melalui pelantikan untuk menyelesaikan masalah tertentu. Pada dasarnya, dua (2) jenis perundingan dikenal pasti iaitu perundingan yang mempunyai ganjaran dan perundingan yang tidak mempunyai ganjaran. Perbezaan asas antara kedua-duanya ialah ganjaran kewangan yang diperoleh calon (tidak termasuk honorarium, per diem dan sebagainya) dan sama ada projek ini melibatkan pembayaran kepada universiti atau tidak. Perundingan yang membawa kewangan sangat digalakkan dan juga projek-projek yang berbentuk khidmat kepada masyarakat juga digalakkan.

4.2.5 Khidmat Kepada Universiti

- a. Bidang tugas ini merujuk kepada penglibatan atau pelantikan seseorang ahli akademik dalam semua aktiviti universiti untuk menjayakan wawasan, perancangan dan hala tuju universiti. Terdapat dua (2) jenis penglibatan:
 - i. berasaskan jawatan pentadbiran (contoh: dekan/ pengarah, timbalan dekan/ timbalan pengarah/ ketua jabatan/ pengerusi/ penyelaras); atau
 - ii. berasaskan keupayaan dan kepakaran individu.

4.2.6 Khidmat Kepada Masyarakat

- a. Bidang tugas ini merujuk kepada penglibatan ahli akademik kepada masyarakat di luar universiti, khususnya dalam bidang/ aktiviti bukan akademik.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan tertinggi Universiti.
- b. Dekan.
- c. Pelajar.
- d. Pesakit.

Luaran

- a. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- b. Jabatan-jabatan kerajaan.
- c. Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- d. Institusi penyelidikan dalam dan luar negara.
- e. Sektor swasta dan industri.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Fakulti/ Pusat Akademik.
- c. Institusi penyelidikan di dalam dan luar negara.
- d. Hospital pengajar/ klinik pergigian.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan sekurang-kurangnya ijazah sarjana/ijazah kedoktoran dalam bidang kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan.
- b. Berkebolehan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.
- c. Berpengetahuan luas dalam bidang penyelidikan dan inovasi.
- d. Berkebolehan untuk menulis artikel, jurnal, bahan penerbitan dan sebagainya.

- e. Berkemahiran dalam pelbagai perisian komputer berkaitan dengan penyelidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran.
- f. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis.
- g. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional.
- h. Berkebolehan memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesionalisme.
- d. Kompeten dan ketelitian.
- e. Kualiti.
- f. Disiplin.
- g. Menepati masa.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Percanggahan pendapat.
- c. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- d. Kes-kes pemalsuan kelayakan akademik dan maklumat penyelidikan.
- e. Kes-kes disiplin.
- f. Boleh diambil tindakan undang-undang.

Sumber : Surat daripada Kementerian Pengajian Tinggi Ruj. KPT.S.500-8/15 Jilid 4 (37) bertarikh 19 September 2012